

28/07/1997

PM rasmi pameran foto NST, Lada

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad akan merasmi pameran foto mengenai pembangunan Pulau Langkawi anjuran bersama New Straits Times (NST) Sdn Bhd dan Lembaga Pembangunan Langkawi (Lada) di pulau itu, hari ini.

Perdana Menteri dijangka tiba di Kompleks Lada di Kuah dekat kira-kira jam 5.20 petang untuk merasmikan pameran foto itu di dataran kompleks.

Tetamu yang dijangka hadir ialah Pengerusi Bersama Lada, Tun Daim Zainuddin; Menteri Besar, Tan Sri Sanusi Junid; dan Ketua Setiausaha Kerajaan Negeri, Tan Sri Abdul Halim Ali.

Pameran mengenai pembangunan Pulau Langkawi yang julung kali diadakan itu akan memberi pendedahan mengenai perkembangan pulau itu sejak 1987 apabila ia diiktiraf sebagai pelabuhan bebas cukai.

Hari ini Pegawai Perhubungan Awam Lada, Mohd Hatta Said menyumbang RM15,000 kepada Jurugambar Eksekutif NST, Anuar Hashim sebagai sokongan Lada terhadap pameran itu.

(END)